KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN HARIAN AHAD, 14 SEPTEMBER 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




14/9/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
| --- | --- | --- | --- |
| 1 | **KESEDARAN REMAJA TERHADAP KESIHATAN REPRODUKTIF MASIH RENDAH - KPWKM** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kesedaran-remaja-terhadap-kesihatan-reproduktif-masih-rendah-kpwkm | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/dunia/news.php?id=2467140 | BERNAMA.COM | |
| | https://suarasarawak.my/perluas-pendidikan-kesihatan-reproduktif/ | SUARASARAWAK.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/bfokus/news.php?id=2467133 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/755096 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/reproductive-health-knowledge-among-malaysian-adolescents-remains-low-HF14887880 | THESUN.MY | |
| | https://www.theborneopost.com/2025/09/13/nancy-shukri-malaysian-youths-knowledge-on-sexual-reproductive-health-still-low/ | THEBORNEOPOST.COM | |
| | https://thesun.my/cerita/berita/pengetahuan-kesihatan-reproduktif-remaja-malaysia-masih-rendah-nancy-LF14888366 | THESUN.MY | |
| | https://themalaysianreserve.com/2025/09/13/nancy-reproductive-health-knowledge-among-adolescents-still-low/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM | |
| | https://utusansarawak.com.my/pendidikan-kesihatan-reproduktif-remaja-perlu-penerimaan-terbuka/ | UTUSANSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
| --- | --- | --- | --- |
| 2 | **NANCY SHUKRI: KHATAN PERDANA TEACHES COURAGE, RESPONSIBILITY AND VALUES TO BOYS** | | POSITIF |
| | https://www.theborneopost.com/2025/09/13/nancy-shukri-khatan-perdana-teaches-courage-responsibility-and-values-to-boys/ | THEBORNEOPOST.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/09/13/100-kanak-kanak-sertai-khatan-perdana/ | TVSARAWAK.MY | |




14/9/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **KPWKM PERKUKUH PERLINDUNGAN KANAK-KANAK MENERUSI PROGRAM ADVOKASI DAN JELAJAH KASIH** | | POSITIF |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/bfokus/news.php?id=2467238 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2467212 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-strengthens-child-protection-with-advocacy-and-community-programmes-CE14890165 | THESUN.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **SWP BERSAMA KPWKM BANTU IBU-IBU TUNGGAL SELURUH MALAYSIA – DR MASLIHA** | | POSITIF |
| | https://umno-online.my/2025/09/13/swp-bersama-kpwkm-bantu-ibu-ibu-tunggal-seluruh-malaysia-dr-masliha/ | UMNO-ONLINE.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **POLIS BURU LELAKI UGUT PUKUL WANITA** | | NEGATIF |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/polis-buru-lelaki-ugut-pukul-wanita/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/747813/berita/semasa/polis-buru-lelaki-samseng-langgar-kereta-dan-ugut-pukul-wanita | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/09/13/polis-buru-lelaki-langgar-kereta-ugut-wanita/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://seeni.my/article/polis-buru-lelaki-samseng-langgar-kereta-dan-ugut-pukul-wanita-sinar-harian-747813 | SEENI.MY | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGETAHUAN KESIHATAN REPRODUKTIF MASIH RENDAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 14 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pengetahuan kesihatan reproduktif masih rendah

**Kuching:** Tahap pengetahuan kanak-kanak dan remaja di negara ini mengenai kesihatan reproduktif masih rendah meskipun pendedahan maklumat semakin mudah diperoleh melalui media sosial.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata usaha berterusan dengan kerjasama kerajaan dan semua pihak termasuk ahli keluarga diperlukan bagi memastikan isu itu dapat ditangani secara berkesan.

"Masyarakat juga perlu lebih terbuka dalam isu ini. Kita tidak mahu apabila program atau pendidikan kesihatan reproduktif dianjurkan, ada pihak beranggapan ia memberi peluang kepada remaja untuk mencuba (melakukan aktiviti seks).

"Sebaliknya, apa yang kita lakukan mencari bahan dan pendekatan terbaik untuk dikongsi sekali gus memberi kesedaran kepada ibu bapa," katanya kepada pemberita pada Program Advokasi PEKERTI peringkat Sarawak di Sekolah Kebangsaan Gersik, di sini semalam.

Berdasarkan Kajian Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 oleh Institut Kesihatan Awam, tahap pengetahuan reproduktif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja masih rendah, malah prevalens tingkah laku seksual dalam kalangan remaja meningkat kepada 7.6 peratus pada 2022 berbanding 7.3 peratus pada 2017.

Lebih membimbangkan, kajian itu turut mendedahkan umur kali pertama melakukan hubungan seksual adalah seawal 13 tahun.

BERNAMA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REPRODUCTIVE HEALTH AWARENESS STILL LOW AMONG YOUTHS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUN |
| TARIKH | : | 14 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Reproductive health awareness still low among youths

**KUCHING:** The level of knowledge on reproductive health among children and adolescents in Malaysia remains low despite easy access to information through social media.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said continuous efforts involving the government, stakeholders and family members were needed to address the issue effectively.

"The public also needs to be more open about this issue. We do not want reproductive health programmes or education to be seen as giving teenagers the opportunity to experiment with sex. On the contrary, what we are doing is identifying the best materials and approaches to share, thereby raising awareness among parents," she said at the Sarawak-level National Reproductive and Social Health Education Advocacy programme at Sekolah Kebangsaan Gersik yesterday.

According to the National Health and Morbidity Survey 2022 by the Institute of Public Health, reproductive health knowledge among children and adolescents remains low, while the prevalence of sexual behaviour among adolescents rose to 7.6% in 2022 compared with 7.3% in 2017.

The study also found that the age of first sexual intercourse can be as early as 13.

In response, the National Population and Family Development Board has rolled out advocacy programmes, including the SRH (sexual and reproductive health) for Boys module, to educate boys to be more responsible in their sexual behaviour.

Nancy added that apart from reproductive education, her ministry is strengthening child protection through the Kasih KPWKM Advocacy programme under the Social Welfare Department, which has been expanded to 30 children's activity centres nationwide. – Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KESEDARAN TENTANG PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF RENDAH | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH : | 14 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 03 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |

# Kesedaran tentang pendidikan kesihatan reproduktif rendah

## Keadaan itu berlaku kerana golongan tersebut kurang diberikan pendedahan sewajarnya, kata Nancy

Oleh Marlinda Mardzuki

**KUCHING: Tahap kesedaran remaja tentang pendidikan kesihatan reproduktif masih kekal rendah dan perlu dipertingkatkan melalui kerjasama semua pihak.**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, keadaan itu berlaku kerana golongan tersebut kurang diberikan pendedahan sewajarnya.

"Bagi saya, ia memang masih di tahap rendah kerana kita belum memberi ilmu yang mencukupi kepada mereka.

"Justeru, ruang ilmu perlu dibuka agar masyarakat lebih terbuka dalam memberi pendidikan mengenai kesihatan reproduktif dan juga sosial yang tepat kepada remaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Program Advokasi Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) Peringkat Negeri Sarawak dan Sentuhan Kasih: Khatan Perdana di Sekolah Kebangsaan (SK) Gersik di sini, semalam.

> "Bagi saya, ia memang masih di tahap rendah kerana kita belum memberi ilmu yang mencukupi kepada mereka."
>
> Dato Sri Nancy Shukri
> *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Nancy menegaskan, kesedaran mengenai pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial tidak seharusnya disalah tafsir sebagai galakan untuk remaja mencuba ke arah perkara yang tidak sepatutnya.

"Kita tidak mahu ada yang beranggapan apabila kita menganjurkan program sebegini, ia menjadi peluang untuk mereka mencuba yang tidak sepatutnya. Itu yang kita tidak mahu. Apa yang kita lakukan adalah mencari lebih banyak bahan untuk dikongsi agar ibu bapa juga mempunyai kesedaran," jelasnya.

Beliau berkata, norma budaya sering menjadikan topik seksualiti sukar dibincangkan secara terbuka, namun nilai murni perlu dijadikan panduan anak-anak dan masyarakat.

"Ia bukan kerana kita mahu mengenakan sesuatu, tetapi kita mahu masyarakat berpegang kepada nilai yang kita anjurkan.

"Sebagai kerajaan, kita perlu bekerjasama dengan keluarga dan masyarakat supaya anak-anak membesar menjadi individu yang bertanggungjawab serta pemimpin pada masa depan," katanya.

Beliau memberitahu, kementeriannya melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus memperkukuh usaha kesedaran dengan mengadakan program advokasi dan pendidikan di sekolah serta Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK).

"Tahun ini sahaja, kementerian kita menyasarkan 30 PAKK dan sekurang-kurangnya 300 sekolah untuk program advokasi ini, namun biasanya angka penyertaan melebihi sasaran.



**RASMI: Nancy menyempurnakan simbolik perasmian dengan menyiram air kepada kanak-kanak pada Program Advokasi Pekerti Peringkat Negeri Sarawak dan Sentuhan Kasih: Khatan Perdana di SK Gersik semalam.**

"Program ini penting kerana dengan keadaan semasa, khususnya cabaran yang dibawa oleh AI dan media sosial, kita mesti terus melaksanakannya di seluruh negara," katanya.

Nancy berkata, pendidikan kesihatan reproduktif wajar didedahkan seawal peringkat sekolah menengah, bagi memberi panduan jelas tentang batasan dan risiko yang boleh berlaku sekiranya remaja terjebak dalam aktiviti seksual sebelum berumah tangga.

"Mereka perlu tahu apa yang sesuai dengan umur mereka kerana jika terlibat dengan aktiviti seksual sebelum berkahwin, ia akan memberi kesan kepada individu itu sendiri, keluarga dan masyarakat.

"Sebab itu kita ada pakar-pakar untuk berkongsi ilmu dengan pelajar, ibu bapa dan pemimpin masyarakat," ujarnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Nancy berkata, kajian oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menunjukkan remaja masih kurang pengetahuan tentang kesihatan reproduktif, malah ada yang mula terjebak dalam hubungan seksual seawal usia 13 tahun.

"Walaupun bilangannya tidak ramai, perkara ini tetap berlaku hari ini.

"Ini kerana pendidikan seksualiti yang menyeluruh masih terhad, ditambah dengan norma budaya yang menjadikan isu ini tabu, ramai anak muda tidak berpeluang membincangkannya secara terbuka.

"Jadi, melalui modul program seperti SRH for Boys dan Modul Cakna Diri Lelaki, LPPKN mendidik anak lelaki tentang isu seksualiti, kehamilan remaja, penderaan seksual, gender dan penyakit berjangkit," katanya.

Beliau menambah, KPWKM melalui LPPKN akan meneruskan usaha mereka sebagai penggerak utama dalam memperkukuhkan institusi keluarga dan membina masyarakat yang sihat dan berdaya tahan.

# Kesedaran remaja terhadap kesihatan reproduktif masih rendah - KPWKM

Nasional - Dicipta: 13 September 2025 01:37 PM




*Foto FB Datuk Seri Nancy Shukri*

***KUCHING, 13 September***- Tahap kesedaran remaja terhadap kesihatan reproduktif masih rendah dan perlu dipertingkatkan melalui kerjasama semua pihak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri memaklumkan bahawa ruang ilmu perlu dibuka agar masyarakat lebih terbuka dalam memberi pendidikan yang tepat kepada remaja.

Menurut beliau, kementeriannya terus memperkukuh pelaksanaan program intervensi termasuk ceramah dan program pendidikan di sekolah serta pusat aktiviti kanak-kanak.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Advokasi Kesihatan Reproduktif dan Sosial, PEKERTI Peringkat Negeri Sarawak dan Sentuhan Kasih: Khatan Beramai-ramai @ SK Gersik, Petra Jaya di Kuching, hari ini.

Tahun ini, kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya 30 pusat aktiviti kanak-kanak dan 300 buah sekolah.

Tegasnya, pendidikan kesihatan reproduktif wajar didedahkan seawal peringkat sekolah menengah, bagi memberi panduan jelas tentang batasan dan risiko yang boleh berlaku sekiranya remaja terjebak dalam aktiviti seksual sebelum berumahtangga.

Sehubungan itu, lebih ramai pakar akan digembleng bagi memperluas kesedaran melibatkan pelajar, ibu bapa serta pemimpin masyarakat, di samping menyokong nilai kekeluargaan dan budaya yang sedia ada.

"Bagi saya memang masih di tahap rendah kerana kita kurang lagi memberi ilmu ini kepada mereka. Maka, ruang itu perlu dibuka. Maka, masyarakat juga perlu terbuka," katanya.

Dalam majlis berkenaan, seramai 100 pelajar sekolah rendah sekitar Kuching menyertai Sentuhan Kasih: Khatan Beramai-ramai kali ini.

## Nancy Shukri: Khatan Perdana teaches courage, responsibility and values to boys

BY JUDE TOYAT ON SEPTEMBER 13, 2025, SATURDAY AT 6:24 PM SARAWAK




*Nancy in a photo call with programme participants after the ceremonial shower preceding the circumcision process. – Photo by Jude Toyat*

KUCHING (Sept 13): A total of 100 pupils from four schools in Petra Jaya underwent mass circumcision today during the state-level Advokasi Pekerti dan Sentuhan Kasih: Khatan Perdana programme at Sekolah Kebangsaan (SK) Gersik.

The pupils, from SK Gersik, SK Astana, SK Matu Baru and SK Pulo, took part in the symbolic mass circumcision supported by medical teams.

The ceremony also featured a festive shower from a Fire and Rescue Department truck, adding colour to the event.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri, who officiated the programme, said the initiative was about more than just the procedure — it was also about guiding boys through an important stage in life.

"For boys, circumcision is not just a tradition, but a significant milestone. It teaches them courage, cleanliness, and responsibility as Muslims," she said.

Nancy also emphasised the importance of a father's presence during the process.

"The presence of a father at his son's side during circumcision is a lifelong memory – reminding the child that the father is both protector and guide," she said.

The programme also featured puberty transition sessions by the Sarawak Islamic Religious Department (Jais), while parents attended Pocket Talk discussions on reproductive and social health education (Pekerti).

Nancy stressed the importance of reproductive health education amid rising digital exposure among teenagers.

"Research shows that teenagers still lack knowledge about reproductive health, and some are already engaging in sexual relationships as early as the age of 13," she said, noting that cultural taboos often hinder open discussion.

She urged parents and communities to play a stronger role in educating the younger generation, while thanking all agencies involved, including her ministry, the Sarawak Health Department, Education Department, Kuching District Education Office, Fire and Rescue Department, Royal Malaysia Police, and school management teams.

"May this programme not just be an event, but a starting point for our boys to step into adulthood with courage, good character, and responsibility," she added.

# KPWKM Perkukuh Perlindungan Kanak-kanak Menerusi Program Advokasi Dan Jelajah Kasih

13/09/2025 06:54 PM



fb Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - KPWKM

ALOR SETAR, 13 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus memperkukuh perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak menerusi Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak dan Jelajah Kasih Komuniti 2025 yang diadakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Pokok Sena, dekat sini, hari ini.

Timbalan Menterinya Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata program itu bermatlamat menggerakkan seluruh lapisan masyarakat termasuk ibu bapa dan komuniti setempat agar bersama-sama memastikan kebajikan, keselamatan dan perkembangan kanak-kanak terpelihara sepenuhnya.

"Usaha ini juga menyokong inisiatif kerajaan dalam mencegah penderaan fizikal, emosi, seksual, pengabaian, eksploitasi atau sebarang bentuk penganiayaan sejajar dengan Akta Kanak-Kanak 2001.

"Keprihatinan semua pihak amat penting kerana anda adalah mata dan telinga masyarakat. Usah takut untuk membuat aduan kerana semakin cepat laporan dibuat, semakin cepat kanak-kanak dapat diselamatkan," katanya semasa berucap pada program berkenaan hari ini.

Beliau turut menyeru semua pihak segera melaporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak melalui **Talian Kasih 15999**, WhatsApp **019-2615 999** atau aplikasi mudah alih Talian Kasih.

"Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah, sebanyak 514 kes melibatkan kanak-kanak telah direkodkan di negeri ini antara Januari hingga Julai lepas. Situasi ini memerlukan perhatian serius semua pihak bagi mencari jalan penyelesaian.

"Bagi menangani isu ini, KPWKM melalui JKM telah berjaya melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak di 33 sekolah di negeri ini, melibatkan lebih 10,303 peserta pada 2024. Susulan kejayaan itu, program ini akan diperluas di 300 sekolah lagi pada tahun ini sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan ini," katanya.

Sementara itu, Noraini berkata sebagai nilai tambah dalam teras strategik untuk melindungi dan membangun kanak-kanak, kerajaan telah memperluas pelaksanaan kepada 30 PAKK di seluruh Malaysia.

Beliau berkata inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh advokasi perlindungan kanak-kanak, sebagai satu gerakan nasional yang menyeluruh dan inklusif.

"Program hari ini turut diserikan dengan Kayuhan Jelajah Kasih Komuniti 2025, simbolik kepada semangat empati, perpaduan dan tanggungjawab sosial bersama. Melalui aktiviti kayuhan ini, pemimpin, agensi kerajaan dan masyarakat berpeluang berinteraksi secara lebih dekat, sekali gus memperkukuh jaringan kerjasama dalam komuniti," katanya.

## SWP Bersama KPWKM Bantu Ibu-ibu Tunggal Seluruh Malaysia – Dr Masliha

13 September 2025 Berita Utama

KUALA LUMPUR, 13 Sept – Program KasihNita bersama Ibu Tunggal telah berlangsung dengan jayanya di Grand Continental Kuching, Sarawak serta Shangri-La Hotel Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

Pengerusi Sekretariat Wanita Profesional (SWP), Dr Masliha Harun berkata program ini menjadi platform penting dalam usaha memperkasakan golongan ibu tunggal melalui sokongan emosi, bimbingan perniagaan dan peluang jaringan strategik.



"Program tersebut digerakkan oleh pasukan Perubatan Sekretariat Wanita Profesional (SWP) yang diketuai Dr Hasnor bersama Cik Hamizah dan Cik Farah, dengan kerjasama Pusat Psikologi Jiwa Damai. Ia menghimpunkan ibu-ibu tunggal dari seluruh Malaysia untuk berkongsi pengalaman, menerima rawatan sokongan
bantuan dan ruang untuk berkongsi pengalaman.

"Lebih daripada sekadar pertemuan, KasihNita turut memberi ruang kepada peserta untuk menimba ilmu keusahawanan, merangka strategi perniagaan dan mengembangkan potensi ekonomi.

"Penerapan aspek psikologi dan motivasi turut menjadi teras utama agar ibu tunggal terus berdaya tahan dalam mengurus keluarga serta kehidupan," katanya kepada UMNO Online.

Mengulas lanjut, Dr Masliha yang juga Exco Wanita UMNO Malaysia menjelaskan kejayaan penganjuran di Sarawak dan Sabah adalah bukti komitmen bersama dalam memastikan golongan ibu tunggal tidak dipinggirkan daripada arus pembangunan negara.




"Ini bukan sahaja memberi bantuan sokongan, tetapi juga membuka laluan kepada ibu tunggal untuk meningkatkan pendapatan dan menempuh kehidupan dengan lebih yakin. Inisiatif ini adalah satu usaha serius untuk membela dan mengangkat martabat mereka," katanya lagi.

Pada masa yang sama Dr Masliha turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri kerana memperkenalkan inisiatif berimpak besar ini.

"Ucapan terima kasih juga turut ditujukan kepada Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad yang sentiasa memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk menyertai KasihNita.

"InshaAllah.. Sekretariat Wanita Profesional seterusnya akan pergi ke empat lagi zon daripada enam zon seluruh Malaysia untuk terus membantu golongan ibu tunggal," ujarnya.

Ujarnya lagi, KasihNita diharap mampu menjadi wadah berterusan dalam memperkukuh kedudukan ekonomi dan sosial ibu tunggal, sekali gus melahirkan golongan wanita yang lebih berdikari, berdaya tahan dan menyumbang kepada pembangunan negara. – *UMNO Online*

# Polis buru lelaki ugut pukul wanita

Oleh MASZUREEN HADZMAN 13 September 2025, 2:22 pm

PETALING JAYA: Polis sedang mengesan seorang lelaki yang bertindak samseng dengan mengugut seorang wanita selepas melanggar kereta dipandu mangsa pada Jumaat lalu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.10 pagi itu, mangsa berusia 31 tahun yang juga pegawai eksekutif sebuah syarikat swasta sedang memandu Perodua Myvi untuk ke tempat kerja melalui Plaza Tol Bangi.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof berkata, siasatan awal mendapati kereta Perodua Myvi biru dipandu suspek tiba-tiba menghimpit dari arah belakang sebelum melanggar bahagian kiri hadapan kenderaan mangsa.

"Selepas pelanggaran itu, kedua-dua kenderaan berhenti di tepi jalan sebelum berlaku pertengkaran.

"Suspek lelaki tempatan itu bertindak menengking mangsa dan melakukan perbuatan seolah-olah mahu memukulnya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya, pertengkaran itu dipercayai berpunca apabila mangsa didakwa menukar lorong tanpa memberi isyarat.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 279 Kanun Keseksaan kerana memandu secara melulu selain turut melibatkan kesalahan trafik di bawah Rule 6(1) LN 166/59 iaitu memotong dan menghalang daripada memotong.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai suspek diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi Pegawai Penyiasat kes, Sarjan A Vaelmurgan di talian 019-6111660 atau mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial memaparkan seorang wanita ditengking seorang pemandu lelaki selepas didakwa tidak memberikan isyarat ketika menukar lorong.

Aksi lelaki itu dirakam menerusi kamera papan pemuka kereta mangsa memaparkan individu itu turut bertindak mengacah seolah-olah mahu memukul mangsa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLICE DISCOVER MORE ABUSED CHILDREN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 14 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

PAEDOPHILIA PROBE

# POLICE DISCOVER MORE ABUSED CHILDREN

Video evidence showing assault by suspect overwhelming, say investigators

JASSMINE SHADIQE
**JOHOR BARU**
news@nst.com.my

POLICE investigating a suspected paedophile have found that he had allegedly sexually abused about 15 other children, a source said.

Police are tight-lipped about the investigations, but sources told the *New Straits Times* that "sickening" evidence, captured on video, indicated that the 29-year-old went beyond sexually abusing children.

The hundreds of images and dozens of videos showing him assaulting children are so graphic that they have left even seasoned investigators shattered.

"Grown men wept openly," the source said. "These are officers who have seen the worst — murders, mangled bodies and brutal crime scenes. But this, this broke them.

"The scale and cruelty were overwhelming."

It was previously reported that the suspect, who is married with children, was arrested on suspicion of uploading child sexual abuse material (CSAM) to the dark web and Telegram groups for profit.

The source said the suspect found the children, who are now in welfare homes, through online advertisements seeking to adopt kids of unwed or single mothers.

The mothers were mostly foreigners and a handful of Malaysians.

The suspect, described as a soft-spoken, bespectacled man with a trimmed beard, only cracked after three days of interrogation.

It is learnt his wife broke down in hysteria when told of his suspected crimes.

"He hid in plain sight. Nobody suspected him. That is what makes this case so disturbing," the source said.

Bukit Aman Criminal Investigation Department director Datuk M. Kumar had said police were working with foreign agencies to trace the spread of the material online.

"We are facing enemies we cannot see. The dark web makes it difficult to track those accessing this content," he said at a recent press conference in Kuala Lumpur.

He also issued a warning to parents and guardians, advising them to protect their children as "paedophiles often hide in plain sight within communities, targeting children left unsupervised".

The police have also roped in the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to help with investigations. MCMC was expected to reveal who had contacted the suspect via the ads he posted online.

State Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail cautioned unwed mothers against handing over their babies to strangers online.

"This is not only illegal but exposes children to grave danger. Always use legitimate channels and do not be deceived by offers of cash," she said.

Khairin-Nisa confirmed that the children rescued are now under the care of the state Welfare Department and are undergoing counselling.

She said a public awareness campaign would be launched soon to highlight the risks.

She also urged single mothers, including undocumented foreigners, to seek help through official agencies instead of strangers.

